

# Aktivis lapor SPRM bimbang penyu diganggu

UM 03/11/23 ms 33

**IPOH:** Beberapa aktivis alam sekitar membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung dakwaan aktiviti melombong pasir yang didakwa berisiko mengganggu kawasan pendaratan penyu di Perak.

Mereka mewakili empat pertubuhan iaitu Sahabat Alam Malaysia (SAM), Persatuan Aktivis Sahabat Alam (Kuasa), Pertubuhan Sahabat Ekologi Perak dan Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia (GRASS) yang membentuk gabungan serta dinamakan Rakan Segari.

Meor Razak Meor Abdul Rahman dari SAM berkata, laporan itu dikemukakan bagi menyiasat tentang kelulusan pengeluaran pasir di Lot 18435, Pantai Pasir Panjang, Segari, daerah Manjung, Perak dengan mendakwa meragukan dan bercanggah dengan rancangan pemajuan.

Kata beliau, pihaknya membantah kegiatan tersebut dari Pantai Pasir Panjang sehingga ke Tanjung Hantu, Segari, daerah Manjung kerana mendakwa bimbang boleh memusnahkan kawasan pendaratan penyu.

Dakwanya, timbul persoalan apabila operator menjalankan

usaha tersebut memaklumkan aktiviti sudah diluluskan, sedangkan aktivis itu berasa ia bertentangan dengan syarat dan garis panduan yang ada.

“Bila kami jumpa dengan wakil kontraktor ini untuk meminta salinan kelulusan, mereka tidak boleh buktikan. Yang menjadi persoalan, mereka mengeluarkan pasir ini pada waktu malam. Jika ada kelulusan sekalipun, mana boleh keluarkan pasir pada waktu malam,” dakwanya ketika ditemui di luar pekarangan pejabat SPRM Perak di sini semalam.

Aktivis terbabit berkongsi tentang syarat kawasan pendaratan penyu dikategori sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar Tahap Dua yang tidak membenarkan pembangunan baharu, perluasan pembangunan sedia ada atau pengambilan sumber mineral berdasarkan Rancangan Fizikal Negara Keempat.

Meor Razak juga mengaitkan kelulusan aktiviti tersebut dengan peruntukan undang-undang tertentu sama ada Kanun Tanah Negara (Akta 828), Enakmen Mineral (Perak) 2003 atau Enakmen Pengurusan Pesisir Pantai 2016.